

08/07/1998

Satu nafas, satu rumpun: Habibie

A Nazri Abdullah in Jakarta

JAKARTA, Selasa - Presiden Indonesia, Profesor Bacharuddin Jusuf Habibie, menyifatkan hubungan antara rakyat Indonesia dengan Malaysia sebagai 'satu nafas satu rumpun' dan kerana itu, tiada sebab wujud masalah bagi kedua-dua pihak.

Rakyat Malaysia dan Indonesia, katanya, mempunyai hubungan paling rapat bukan saja kerana memiliki persamaan dari segi budaya dan bahasa, malah wajah mereka sehingga sukar untuk dibezakan.

"Saya sendiri tidak pernah menghadapi masalah dengan siapa saja dari Malaysia. Jadi saya juga yakin dari Malaysia tidak ada masalah. Kalau pun ada, itu kerana salah anggap," katanya dalam wawancara eksklusif dengan Berita Harian, di sini.

Habibie yang dilantik sebagai presiden pada 21 Mei lalu, turut menghargai sokongan Malaysia terhadap usaha Indonesia memulihkan kegawatan ekonomi dan politik di republik itu.

"Dalam keadaan kesukaran, saya tahu siapa kawan saya. Saya tahu bahawa a friend in need is a friend indeed.

"Saya tahu yang sangat-sangat memperjuang dan mempertahankan Indonesia serta Pak Habibie sendiri adalah Pak Mahathir (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan Pak Anwar (Datuk Seri Anwar Ibrahim) serta banyak bapak-bapak, saudara-saudara dari Malaysia," katanya.

Ditanya mengenai ada antara negara jiran yang agak kurang senang dengan pelantikan beliau sebagai presiden, Habibie berkata: "Saya tidak tahu dan saya tidak mahu buat analisis apa juga, tetapi ini mungkin kerana mereka tidak mengerti."

Mengenai cabaran utama sejak menjadi presiden, beliau berkata, apa yang perlu diberi perhatian ialah usaha memulihkan semula ekonomi Indonesia dan memastikan keperluan asas mencukupi serta pada harga berpatutan.

"Beras, bahan makanan dan ubat-ubatan perlu ada. Itu yang paling utama. Selain itu, keluarga yang tidak ada pekerjaan juga perlu dibantu supaya mereka dapat menangani krisis yang dihadapi sekarang.

"Kami mempunyai program jangka pendek khusus untuk membantu rakyat yang tidak mampu, termasuk memberi subsidi beras Rp1,000. Ini sebagai contoh. Ini paling utama. Inilah yang tiap hari saya fikirkan," katanya.

Menurut Habibie, kemudahan persekolahan juga sentiasa diberi tumpuan bagi memastikan murid boleh meneruskan pelajaran, manakala guru-guru tidak menderita akibat krisis ekonomi.

Wawancara yang diadakan bersama TV3 itu turut menyentuh pelbagai perkara termasuk pembabitan Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (Abri) dalam politik serta soal pribumi dan bukan pribumi.

Mengenai pribumi, Habibie memberikan takrif baru iaitu mereka yang sangat memerhatikan kepentingan dan nasib rakyat, tanpa mengira kaum.

"Pribumi itu bukan lagi keturunan Tionghua atau yang asli di sini, tetapi pribumi itu ialah mereka yang sangat memerhatikan kepentingan dan nasib rakyat," katanya.

Berhubung usaha pemulihan ekonomi, Habibie berkata, sejak beliau dilantik sebagai presiden, pelbagai langkah sudah dilaksanakan termasuk memisahkan Bank Indonesia daripada kerajaan.

(END)